

SENARAI NILAIAN BARU 2020

Soalan-Soalan Lazim (*Frequently Asked Questions - FAQ*)

MAKLUMAT DAN PENERANGAN KEPADA PEMBAYAR CUKAI MENGENAI SENARAI NILAIAN BARU 2020

1. Bagaimanakah pengiraan Cukai Taksiran?

Jawapan

Contoh pengiraan cukai taksiran seperti berikut :

(A) Bangunan (Kediaman Bertanah)

| | | |
|----------------------------------|----------|-----------------|
| Sewa sebulan | = | RM 500.00 |
| Sewa setahun RM500.00 x 12 bulan | = | RM6,000.00 |
| Nilai Tahunan (sewa setahun) | = | RM6,000.00 |
| Darab kadar peratusan | = | 6% |
| Cukai Taksiran Setahun | = | RM360.00 |

(B) Tanah (Tanah Kemajuan DTL)

| | | |
|-------------------------------------|----------|-------------------|
| Luas kawasan tanah kosong | = | 5,000 k.p. |
| Harga pasaran sekaki persegi | = | RM100.00 s.k.p |
| Harga tanah keseluruhan | = | RM500,000.00 |
| Kadar yang menentukan Nilai Tahunan | = | 5% |
| Nilai Tahunan Tanah | = | RM25,000.00 |
| Darab kadar peratusan | = | 4% |
| Cukai Taksiran Setahun | = | RM1,000.00 |

2. Apakah maksud Nilai Tahunan ?

Jawapan

Istilah **Nilai Tahunan** ditakrifkan di dalam Seksyen 2, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) iaitu "*anggaran kasar sewa tahunan yang munasabah dijangka akan diperolehi dari setahun ke setahun daripada pegangan berkenaan jika disewakan, dengan tuan tanah membayar belanja bagi pembaikan, insuran, penyelenggaraan atau pemeliharaan dan segala kadar dan cukai awam*".

Oleh itu, Nilai Tahunan mencerminkan nilai sewa harta dengan anggapan ianya diberi sewa mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Di atas sebab-sebab tertentu, sewa yang dibayar untuk unit-unit rumah yang serupa di dalam kawasan yang sama selalunya berbeza kadar sewa yang disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhinya seperti terdapat pengubahsuaian, kedudukan unit dan keluasan/saiz premis. Bagi memastikan terdapat kesaksamaan di dalam penentuan nilai, standard atau asas yang sama digunakan bagi setiap harta pegangan.

3. **Bagaimanakah kaedah MBPP memaklumkan keputusan bantahan cukai taksiran kepada pembantah yang telah membuat bantahan dalam Senarai Nilai Baru 2020 ?**


Jawapan

MBPP akan memaklumkan keputusan bantahan cukai taksiran menerusi Notis RAC10 yang akan dihantar kepada semua pembantah yang telah membuat bantahan mulai 18 Mei 2020.

4. **Apakah yang dimaksudkan dengan Notis RAC 10 ?**

Jawapan

Notis RAC 10 adalah merupakan notis keputusan bantahan yang memaparkan maklumat-maklumat penting kepada pemilik harta yang telah membuat bantahan seperti berikut :



MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG
(http://www.mbpp.gov.my)

cleaner greener
safer healthier
happier

BAYARAN POS JELAS
POSTAGE PAID
PULAU PINANG
MALAYSIA
NO. PP0019

XXXXXXXXXXXX
XXX, PERSIARAN BAYAN INDAH,
11900 BAYAN LEPAS,
PULAU PINANG

RAC 10

| | | | |
|-----------------------------------|---------------|----------------|----------------------------|
| Tarikh cukai taksiran mula dikira | Cadangan 2020 | Potongan rebat | Keputusan selepas bantahan |
|-----------------------------------|---------------|----------------|----------------------------|

Tuan/Puan,
KEPUTUSAN JAWATANKUASA BANTAHAN CUKAI TAKSIRAN

| | |
|--------------------------|---|
| NO. TAKSIRAN | 26/488/05030/5 |
| PEGANGAN BERKADAR | XXX, PERSIARAN BAYAN INDAH, 11900, BAYAN LEPAS |

Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran telah bersidang dan mendengar serta menimbang bantahan tuan/puan dengan keputusan seperti berikut:-

| | SEDIA ADA | | BARU |
|----------------------|-------------|----------------------|-------------|
| NILAI TAHUNAN | RM 37,490 | NILAI TAHUNAN | RM 32,990 |
| KADAR % | 5.80 | KADAR % | 5.80 |
| CUKAI SETAHUN | RM 2,174.42 | CUKAI SETAHUN | RM 1,913.42 |

Rebat cukai taksiran 2020 RM 261.87

| | | | |
|-------------------------|----------|---|-------------|
| TARIKH KUATKUASA | 1.1.2020 | JUMLAH CUKAI TAKSIRAN YANG PERLU DIBAYAR | RM 1,651.55 |
|-------------------------|----------|---|-------------|


Sekiranya tuan/puan tidak berpuas hati dengan keputusan ini, maka tuan/puan boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi secara usul permulaan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan keputusan ini.

Cukai Taksiran 2019 adalah RM 1,651.55


"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Sr CHEONG CHEE HONG
Pengerah Penilaian & Pengurusan Harta
b.p. Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Pulau Pinang
☎ +604-2592266
☎ +604-2633763
✉ eperilaian@mbpp.gov.my



MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG



PERHATIAN: NOTIS INI BUKAN BIL. UNTUK BAYARAN

- Notis ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.

5. **Sekiranya pemilik premis tidak membuat bantahan adakah layak diberi pengurangan cukai taksiran (sekiranya ada kenaikan) ?**

Jawapan

Pengurangan cukai akan tetap diberikan kepada semua pemilik-pemilik premis mengikut kategori dan skim yang sama walaupun tiada bantahan dihantar.

6. **Adakah pemilik premis yang tidak membuat bantahan cukai taksiran akan turut menerima Notis RAC 10?**

Jawapan



Tidak. Pemilik premis yang tidak membuat bantahan cukai taksiran tidak akan menerima Notis RAC 10 tetapi akan menerima bil cukai taksiran bagi separuh tahun kedua bulan Jun 2020 yang menunjukkan amaun pengurangan bagi tahun 2020.





7. **Bagaimanakah pemilik premis yang tidak membuat bantahan boleh menyemak dan mengetahui jumlah Nilai Tahunan baru 2020?**

Jawapan


Semua pemilik premis dalam kawasan pentadbiran MBPP boleh membuat semakan Nilai Tahunan 2020 seperti langkah-langkah berikut : -

- a) Menerusi laman web rasmi MBPP

| | | |
|----|---|--|
| 1. | http://www.mbpp.gov.my |  |
| 2. | Pilih & klik ikon "e-Perkhidmatan" |  |

| | | |
|----|---|---|
| 3. | Pilih dan klik ikon "Bantahan dan Semakan Cukai Taksiran Penilaian Semula 2020" |  |
| 4. | Pilih butang "sila klik disini" |  |
| 5. | Masukkan No. AUID dan No. Akaun. Kemudian klik "Login" (Maklumat ini boleh diperolehi dari bil. cukai taksiran) |  |
| 6. | Contoh Paparan Keputusan |  |

b) Atau menerusi <http://smartmonitoring.mbpp.gov.my/Internetbantahanps/>

c) Atau  Emel : epenilaian@mbpp.gov.my

8. **Sekiranya pemilik premis telah pun membayar cukai penuh untuk tahun 2020, adakah jumlah lebihan tersebut dapat dituntut semula?**

Jawapan

Lebihan bayaran cukai taksiran boleh dituntut kembali atau dibawa ke hadapan untuk bayaran di tahun hadapan.

9. **Berikan contoh senario kes bagi menggambarkan cukai taksiran baru 2020 berbanding dengan cukai 2019?**

Jawapan

Sebagai contoh, Encik Danial Haqiem memiliki kediaman jenis pangsapuri yang terletak di Sungai Nibong dengan cukai tahun 2019 berjumlah **RM300.00 setahun**. Manakala Cadangan Cukai Taksiran 2020 yang telah dihantar kepada Encik Danial Haqiem menerusi Notis RAC 4 pula berjumlah **RM350.00 setahun**.

Selepas sesi pendengaran bantahan dan kajian semula dijalankan, maka dipersetujui cadangan cukai 2020 tersebut diturunkan kepada **RM330.00 setahun** iaitu penurunan sebanyak **RM20.00**.

Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberi rebat sebanyak **RM30.00** yang bersamaan dengan jumlah cukai tahun 2019. Ini bermakna, Encik Danial Haqiem hanya perlu menjelaskan cukai taksiran tahun 2020 berjumlah **RM300 setahun**.